

BAH

Mahathir - Islam

KUALA LUMPUR, 8 Mac (Bernama) -- Cita-cita masyarakat Islam untuk mencapai tamadun Islam hanya akan berjaya jika mereka mengurangkan sikap suka berhujah tentang teori dan menumpukan tenaga kepada amal, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Katanya, masyarakat yang dimomokkan dengan pelbagai teori atau konsep yang indah-indah tanpa diikuti dengan suatu perancangan konkrit dan tindakan susulan akan menjadi satu masyarakat yang mundur tanpa apa-apa keupayaan.

+Ini bukanlah matlamat Islam atau nasib yang ditentukan bagi umat Islam kerana sesungguhnya ajaran Islam yang disampaikan kepada kita bukan dalam bentuk teori tetapi ia mesti diikuti dengan amal,+ kata Perdana Menteri semasa melancarkan operasi pungutan zakat secara korporat di sini.

Beliau berkata, jika masyarakat Islam banyak menghabiskan masa hanya menumpukan kepada teori dan berhujah sepanjang masa serta bersengketa kerana hujah berlainan yang dicipta, maka masyarakat Islam tidak akan berjaya mencapai tamadun Islam yang dihajati.

Katanya, masyarakat seperti ini, berselindung dengan khayalan sehingga yang nyata dinafikan dan digantikan dengan tafsiran yang dicipta bagi menyembunyikan kenyataan. -- Lagi.

♥08/03/15-49MST

U GB 08-03 00245 BA884

BAH

Mahathir - Islam 2 Kuala Lumpur

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, tamadun dan kemajuan satu-satu bangsa itu tidak pernah dicipta dalam sekelip mata kerana ia terpaksa melalui proses yang lama dengan beberapa syarat yang harus dimiliki oleh bangsa itu termasuk sifat kreatif, keterbukaan kepada sesuatu idea baru, sentiasa ingin tahu, positif, responsif terhadap perjalanan sejarah dunia, inovatif, rajin, berakhlak mulia dan umumnya mengamalkan nilai-nilai yang baik.

Katanya, ajaran oleh pihak yang berkepentingan supaya umat Islam hanya mengamalkan ibadah tertentu daripada yang diwajibkan dan berdoa sahaja kepada Allah tanpa usaha yang gigih dan penggunaan akal fikiran, jelas membawa kepada kelemahan dan kegagalan masyarakat Islam.

+Kegagalan dan kekalahan orang Islam bukan kerana inilah yang ditentukan bagi mereka oleh Allah dan pendapat bahawa dunia ini bukan untuk orang Islam membuktikan sikap tidak bersyukur dengan pemberian Allah,+ tegas beliau.

Perdana Menteri mengingatkan bahawa Islam ialah agama yang sesuai untuk semua zaman dan tempat, tetapi jika ada yang cuba mengembalikan masyarakat zaman ini kepada keadaan dan sekitaran di abad ke tujuh masihi dengan membentuk masyarakat Arab di tanah Arab zaman itu, maka Islam sukar untuk dipertahankan sebagai sesuai untuk semua zaman dan tempat.

+Tetapi inilah yang cuba dibuat oleh orang tertentu dan oleh kerana puak ini berjaya menakutkan sebahagian besar orang Islam sehingga ajaran mereka tidak boleh disoal, maka hari ini umat Islam menjadi orang yang ketinggalan zaman, mudah ditindas dan diperalatkan oleh kuasa bukan Islam,+ jelasnya. -- Lagi.

♥08/03/15-52MST

CNS1521

U GB 08-03 00206 BA885

BAH

Mahathir - Islam 3 Kuala Lumpur

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, jika umat Islam menyangkal kepentingan orang tertentu dan bekerja dengan penuh kemahiran dan berkualiti seperti yang dituntut oleh Islam, tidak dapat tidak orang Islam boleh bersaing dengan sesiapa sahaja.

Ini lebih bermakna lagi jika umat Islam menumpukan kepada amalan-amalan yang diwahyukan Allah tanpa mengetepikan perubahan yang berlaku mengikut zaman.

Beliau menghuraikan beberapa ibadah khusus yang wajib ditunaikan oleh umat Islam tanpa mengambil kira aliran zaman bagaimanapun boleh disesuaikan pelaksanaannya dengan kemudahan modern termasuk ibadat zakat, ibadat haji dan penggunaan alat-alat komunikasi untuk menyampaikan ilmu.

Katanya, jika di zaman Rasulullah ibadat haji dilakukan dengan menggunakan unta, tetapi setelah Islam berkembang jauh dari Makkah maka cara ini tidak lagi praktikal. Begitu juga jika dahulu gambar dan lukisan dianggap haram tetapi melalui cara yang betul kini ia boleh digunakan untuk tujuan berdakwah.

Sistem Bank Islam dan urusan insurans yang ada kini sebenarnya tiada di zaman Rasulullah tetapi ia boleh dilaksanakan tanpa bertentangan dengan ajaran Islam, katanya.

Perdana Menteri menegaskan bahawa semuanya itu ialah sebahagian daripada Ad-din atau cara hidup Islam yang tidak bermakna harus dicipta dengan mewujudkan semula seratus peratus keadaan di zaman Rasulullah. --
Bernama.

♥08/03/15-56MST